

LEX READ

Ulasan Drama:

ONE CENT
THIEF

**NAFKAH ISTERI
BERAS AKU BELI**

Fatin Hayati


Menulis:


*Santai Harum Manis:
Literasi Undang-Undang
Jenayah*

JUU LEX READ



eISSN 2811-3462





Celik Faraid!



Bahagian 2: Prosedur Pelaksanaan Faraid

Oleh: *Noorsaliza Amin Nudin & Nor Laila Ahmad*
(noorsaliza9648@uitm.edu.my) & (norkailaahmad@uitm.edu.my)

PENGENALAN

Faraid ialah suatu sistem pengurusan harta yang dilaksanakan di dalam Islam selepas kematian seorang muslim. Faraid adalah hukum yang berlandaskan kepada Al Quran dan Hadith.

Jika pada edisi yang lepas kita telah melihat kepada pengertian faraid dan waris-waris sah yang layak menerima harta mengikut hukum faraid, maka kali ini kita akan merungkai prosedur pelaksanaan faraid di Malaysia. Di Malaysia mengikut kepada Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa berkaitan hal ehwal agama Islam adalah di bawah pentadbiran kerajaan negeri termasuk pengurusan harta pusaka atau faraid.

PROSES PENTADBIRAN SEBELUM PELAKSANAAN FARAID

Sistem pembahagian harta pusaka atau faraid mengikut Islam adalah sangat teratur tetapi jika seseorang tidak mengambil tahu mengenai prosedur pelaksanaan maka perkara ini akan menjadi sukar. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu selesai sebelum pembahagian harta mengikut faraid, iaitu:

- i Menyelesaikan kos pengurusan jenazah
- ii Menyelesaikan hutang- hutang si mati
- iii Menyelesaikan tuntutan sepencarian
- iv Pelaksanaan wasiat

Setelah semua perkara yang dinyatakan di atas selesai, maka barulah proses pembahagian baki harta yang tinggal mengikut faraid dapat dimulakan.

PROSES PELAKSANAAN FARAID

Secara umumnya seseorang boleh menyerahkan segala urusan berkaitan pelaksanaan faraid kepada peguam syariah, walaubagaimanapun adalah dinasihatkan agar kita perlulah mengetahui sedikit sebanyak prosedur pelaksanaan faraid ini supaya tidak mudah ditipu oleh mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan. Proses pelaksanaan faraid adalah seperti berikut:

- i Mengenalpasti harta dan liabiliti si mati di Malaysia dan luar negara
- ii Mengenalpasti waris yang berhak ke atas harta faraid
- iii Memohon sijil faraid dari pihak yang berkuasa
- iv Mendapatkan surat kuasa mentadbir
- v Membayar segala hutang dan liabiliti si mati
- vi Membayar cukai
- vii Pengagihan baki harta mengikut faraid
- viii Menyediakan penyata akaun dan segala dokumen yang berkaitan

PROSEDUR PELAKSANAAN PEMBAHAGIAN FARAID / HARTA PUSAKA



BERIKUT ADALAH PROSEDUR PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA (FARAID)

i- Permohonan Harta Pusaka Kecil

Harta pusaka adalah harta peninggalan si mati iaitu harta yang diperolehi semasa hidupnya, segala bentuk sewaan, hutang dijelaskan oleh sesiapa selepas kematian, dividen dari harta si mati, simpanan KWSP, takaful, barang yang tertib dari usaha si mati semasa hidupnya dan binatang ternakan. Oleh itu kesemua harta-harta ini akan di bahagikan mengikut faraid kepada waris-waris yang layak seperti yang telah dijelaskan di dalam article Celik FaraidI, bahagian satu sebelum ini.

Harta pusaka (faraid) terbahagi kepada dua, iaitu:

Harta tidak alih seperti rumah dan tanah

Harta alih seperti duit simpanan, saham, KWSP, kenderaan, barang kemas dan sebagainya.

Manakala harta yang tidak termasuk dalam harta pusaka ialah khairat kematian, hibah, dijual atau diwakafkan oleh si mati, pampasan, hasil pemberian mereka yang menziarahi si mati, pencen dan bayaran yang diterima dari Akta keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO).

Harta tidak alih yang mempunyai nilai di bawah RM 2 juta adalah harta pusaka kecil maka pengurusan harta pusaka kecil ini adalah tertakluk kepada Akta Harta Pusaka Kecil. Permohonan perlulah dibuat di Unit Pembahagian Pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) atau Pejabat Tanah mengikut Dimana terletakanya harta si mati.

Sekiranya si mati mempunyai tanah di daerah atau negeri yang berlainan maka permohonan boleh dilakukan di salah satu daerah atau negeri untuk menyelesaikan kesemua harta pusaka si mati walaupun harta pusaka si mati berada di daerah atau negeri lain. Permohonan akan melalui perbincaraan waris-waris si mati akan diberikan notis perbincaraan dan pemohon adalah wajib hadir ke perbincaraan. Dokumen-dokumen asal juga perlu dibawa ke perbincaraan.

Setelah selesai perbincaraan dan mahkamah telah mengeluarkan perintah maka perintah tersebut perlu didaftarkan ke Pejabat Tanah yang berkenaan. Bagi harta alih perlu dirujuk kepada institusi yang berkaitan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk hak milik kenderaan dan wang simpanan di bank yang berkaitan. Walaubagaimanapun, terdapat tiga sebab yang menghalang waris menerima faraid iaitu membunuh untuk mendapatkan harta pusaka, murtad dan berlainan agama.



Pembahagian Faraid

🔍 Surah An-Nisa', ayat 11 📖

Pembahagian faraid telah diperincikan berdasarkan firman Allah S.W.T dalam Surah An-Nisa', ayat 11 yang bermaksud:

"Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati.

Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak.

Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya.

Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

🔍 Surah An-Nisa', ayat 12 📖

Allah S.W.T berfirman lagi dalam Surah An-Nisa', ayat 12 yang bermaksud:

"Bagimu (para suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika mereka (isteri-isterimu) itu mempunyai anak, kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya setelah (dipenuhi) wasiat yang mereka buat atau (dan setelah dibayar) hutangnya.

Bagi mereka (para isteri) seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, bagi mereka (para isteri) seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan (setelah dipenuhi) wasiat yang kamu buat atau (dan setelah dibayar) hutang-hutangmu.

Jika seseorang, baik lelaki-lelaki mahupun perempuan, meninggal dunia tanpa meninggalkan ayah dan anak, tetapi mempunyai seorang saudara lelaki-lelaki (seibu) atau seorang saudara perempuan (seibu), bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta.

Akan tetapi, jika mereka (saudara-saudara seibu itu) lebih dari seorang, mereka bersama-sama dalam bagian yang sepertiga itu, setelah (dipenuhi wasiat) yang dibuatnya atau (dan setelah dibayar) hutangnya dengan tidak menyusahkan (ahli waris). Demikianlah ketentuan Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyabar "



Berdasarkan firman Allah S.W.T di atas, pembahagian faraid dapat diringkaskan seperti dalam jadual di bawah:

SI MATI

Waris dan bahagian faraid



LELAKI

Ibubapa
(jika arwah tiada isteri dan anak):
Ibu (1/3)
Bapa (2/3)

Ibubapa dan adik beradik
(jika arwah tiada isteri dan anak):
Ibu (1/6)
Bapa mendapat selebihnya (5/6)

Ibubapa, adik beradik dan isteri
(jika arwah tiada anak):
Isteri (1/4)
Ibu (1/6)
Bapa (1/6 dan baki)

Ibubapa, adik beradik dan isteri
(jika arwah tiada anak):
Isteri (1/4)
Ibu (1/6)
Bapa (1/6 dan baki)
Anak lelaki (semua baki)

Ibubapa, adik beradik, isteri dan anak perempuan:
Isteri (1/8)
Ibu (1/6)
Bapa (1/6)
Anak perempuan (1/2 jika anak tunggal atau 2/3 jika anak perempuan lebih dari seorang)

Ibubapa, adik beradik, isteri, anak lelaki dan perempuan:
Isteri (1/8)
Ibu (1/6)
Bapa (1/6)
Anak lelaki dan perempuan (baki mengikut nisbah 2:1)

PEREMPUAN

Ibubapa
(jika arwah tiada suami dan anak):
Ibu (1/3)
Bapa (2/3)

Ibubapa dan adik beradik
(jika arwah tiada suami dan anak):
Ibu (1/6)
Bapa mendapat selebihnya (5/6)

Ibubapa, adik beradik dan suami
(jika arwah tiada anak):
Suami (1/2)
Ibu (1/6)
Bapa (1/6 dan baki)

Ibubapa, adik beradik, suami dan anak lelaki:
Suami (1/4)
Ibu (1/6)
Bapa (1/6)
Anak lelaki (semua baki)

Ibubapa, adik beradik, suami dan anak perempuan:
Suami (1/4)
Ibu (1/6)
Bapa (1/6)
Anak perempuan (1/2 jika anak tunggal atau 2/3 jika anak perempuan lebih dari seorang)

Ibubapa, adik beradik, isteri, anak lelaki dan perempuan:
Suami (1/4)
Ibu (1/6)
Bapa (1/6)
Anak lelaki dan perempuan (baki mengikut nisbah 2:1)

PENUTUP

Kesimpulan, faraid ialah kaedah pembahagian harta pusaka peninggalan si mati di mana pembahagian ini telah ditentukan dari sudut waris dan haknya. Faraid turut memberi hak kepada waris-waris perempuan dan ibu di mana sebelum kedatangan Islam hak-hak mereka dinafikan.

Kurang kefahaman mengenai pembahagian harta pusaka mengikut faraid akan mengakibatkan pergaduhan dan penafian hak-hak waris. Oleh itu, sebagai seorang Muslim kita perlulah celik faraid! Kita juga perlu mengetahui prosedur pengurusan faraid mengikut undang-undang di mana topik ini akan diketengahkan dalam buletin seterusnya. Nantikan!



RUJUKAN

Baharuddin bin Aziz. (2020). Konsep Pewarisan dalam Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/wp-content/uploads/2020/08/konsep-pewarisan-dalam-Islam.pdf>

Celik Tafsir. (14 Januari 2016). Tafsir Surah An-Nisa' Ayat 12 (Pembahagian Faraid Suami Isteri). <https://celiktafsir.net/2016/01/14/nisa-ayat-12/>

Kamarudin, M. K. & Abdullah, A. (2016). Amalan Pembahagian Faraid di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(3) (pp.11-19).

Wan Ahmad Sayuti, W. N. N. & Tengku Wook, T. S. M. (2021). Permainan Perspektif Ketiga untuk Memahami Hukum Faraid. *Applied Information Technology and Computer Science*.